

16/08/2000

PLSB dijangka beroperasi semula Sabtu ini

KULIM, Selasa - Syarikat Platinum Lane Sdn Bhd (PLSB) yang sedang disiasat Bank Negara Malaysia (BNM) kerana dipercayai mengambil deposit tanpa kebenaran, mendakwa akan memulakan semula operasi Sabtu ini.

Pengurus Kanan PLSB, Ashah Man memaklumkan perkara itu dalam kenyataan umum yang diedarkan di sekitar premis syarikat berkenaan di Pusat Perniagaan Putra dekat sini hari ini.

Katanya, syarikat itu bercuti selama dua hari pada minggu ini iaitu Khamis dan Jumaat.

"Bagaimanapun, operasi membabitkan kegiatan pendaftaran, pengambilan kupon dan penerangan kepada ahli tidak akan dijalankan sehingga selesai siasatan BNM terhadap syarikat itu," katanya.

Syarikat yang beribu pejabat di Jalan Kelang Lama itu, mempunyai lebih 30,000 ahli berdaftar di seluruh negara yang dikenali sebagai 'rakan niaga'.

Minggu lalu, kakitangan BNM dan polis menyerbu premis syarikat penerima deposit itu kerana disyaki mengutip deposit tanpa kebenaran BNM dan merampas sejumlah wang tunai dipercayai melebihi RM1.5 juta, dokumen dan peralatan pejabat.

Tinjauan Berita Harian ke pusat perniagaan itu mendapati sejumlah kecil ahli dan kakitangan PLSB masih berada di premis berkenaan.

Pada jam 2 petang ini juga, pengurusan syarikat mengadakan majlis bacaan surah Yasin di surau PLSB dan dihadiri hampir 40 ahli serta kakitangan syarikat.

Selain itu, kakitangan PLSB yang bertugas juga terus mendapatkan tandatangan ahli sebagai tanda sokongan terhadap memorandum yang dirangka, sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)